



Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Lembaran Fakta

## Bagaimana dan Bilakah Orang Awam Akan Menerima Wang Kertas \$5 yang Baru?

Rizab Persekutuan mengeluarkan mata wang A.S. kepada orang awam melalui institusi tempat simpanan seperti bank, kesatuan kredit dan melalui simpanan dan pinjaman. Wang Kertas \$5 baru:

- Dikilangkan di kemudahan Biro Pengukiran dan Percetakan (BEP) di Fort Worth, Texas;
- Dihantar ke 33 pejabat Rizab Persekutuan yang terletak di seluruh negara;
- Dikirim atas pesanan kepada lebih daripada 9,500 pelanggan Bank Rizab Persekutuan di A.S. dan di seluruh dunia.
- Dibekalkan oleh bank besar ke bank lebih kecil, kepada orang awam melalui juru wang dan ATM, dan kepada pelanggan perniagaan mereka seperti kedai dan lain-lain syarikat runcit.

Melalui langkah-langkah yang banyak ini, Rizab Persekutuan akan mengedarkan wang kertas \$5 baru, di mana ia akan sampai ke dalam tangan orang awam.

### Sedia untuk Penghantaran

BEP mula mengirim \$5 yang baru ke pejabat Rizab Persekutuan pada buan Januari 2008. Pada 13 Mac, 2008, dan lebih kurang selama tiga minggu selepas itu, sebarang bank komersil, simpanan dan pinjaman, atau kesatuan kerdit yang memesan wang kertas \$5 dari pejabat Rizab Persekutuan akan menerima pesanannya dipenuhi dengan reka bentuk yang baru ini. Biasanya, bank yang lebih besar memesan mata wang untuk dihantar setiap hari; walau bagaimanapun, tidak semua bank berbuat demikian. Bagi institusi tempat simpanan yang mempunyai perniagaan wang tunai yang lebih kecil, ia mungkin mengambil beberapa hari atau lebih lama lagi sebelum mereka mendapat wang kertas \$5 reka bentuk baru, bergantung kepada masa mereka membuat pesanan dan berapa jauh mereka berada daripada pejabat Rizab Persekutuan.

Sebaik sahaja institusi tempat simpanan menerima wang kertas \$5 reka bentuk baru mereka, terpulang kepada mereka untuk menetapkan berapa segera mereka memasukkan wang kertas tersebut ke dalam laci juru wang atau menggunakanannya untuk memenuhi pesanan wang tunai daripada pelanggan perniagaan mereka.

Wang kertas \$5 yang direka bentuk semula boleh berada dalam peredaran seawal 13 Mac melalui bank besar yang terletak berhampiran dengan pejabat Rizab Persekutuan. Jarak, permintaan mata wang dan dasar bank individu akan menjadi faktor penentu dalam betapa cepat wang kertas \$5 yang direka bentuk semula sampai kepada orang awam.



Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Lembaran Fakta

## Selepas Hari Keluaran

Untuk memenuhi kepentingan awam pada peringkat permulaan, dari 13 Mac hingga 3 April (dalam tempoh tiga minggu pertama peredaran reka bentuk baru), setiap kali institusi tempat simpanan memesan wang kertas \$5 daripada pejabat Rizab Persekutuan, ia akan menerima wang kertas yang baru direka bentuk itu. Pejabat Rizab Persekutuan juga mempunyai bekalan wang kertas \$5 reka bentuk lama yang masih bagus kerana hayat peredaran purata wang kertas \$5 adalah 16 bulan. Selepas 3 April, pejabat Rizab Persekutuan akan mengirim kedua-dua reka bentuk lama dan baru kepada pelanggan mereka, oleh itu, kedua-dua reka bentuk akan diedarkan pada masa yang sama. Semakin wang kertas lama menjadi haus, pejabat Rizab Persekutuan akan menggantikannya dengan reka bentuk baru.

Orang awam harus tetap yakin bahawa kedua-dua wang kertas reka bentuk lama dan baru akan terus menjadi wang sah dan akan mengekalkan nilai muka penuh.

Terdapat lebih kurang 2 bilion wang kertas \$5 dalam peredaran di seluruh dunia. Rizab Persekutuan menjangka akan mengeluarkan anggaran 212 juta wang kertas \$5 baru dalam masa tiga minggu pertama setelah reka bentuk baru tersebut berada dalam peredaran.